



اَوْنُوْ رَسِيْئِيْ تَيَكُوْ لَوِيْجِيْ مِيَاْرَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Fakulti
Pengurusan
dan Perniagaan

FBM

Newspaper highlight 2021

December



2 December 2021

Bonggol jalan tak ikut spesifikasi undang bahaya

Oleh Dr Mohd Hafiz Zulfakar
dan Dr Shahrin Nasir
bhrencana@bh.com.my



Pensyarah Kanan
Jabatan Teknologi
dan Pengajian
Rantaian Bekalan,
Universiti Teknologi
MARA (UiTM)
Kampus
Puncak Alam

Kerap juga 'viral' kisah mengenai bonggol jalan yang dibina bagi tujuan meredakan trafik khususnya di kawasan perumahan, dengan pelbagai reaksi di zahirkan.

Ada berasakan ia penting demi keselamatan, khususnya dalam mengatasi masalah kenderaan dipandu laju di kawasan perumahan. Ada pula berpendapat ia menjengkelkan, bahkan mendatangkan bahaya kepada pemandu kenderaan yang melalui kawasan terbabit.

Apa tidaknya, ada kenderaan rosak akibat tersangkut, penunggang motosikal terjatuh atau terbabit kemalangan kecil disebabkan bonggol dibina.

Mengikut Jabatan Kerja Raya (JKR), kaedah redaan trafik menggunakan bonggol sesuai untuk memperlahankan had laju kenderaan apabila menghampiri sesuatu lokasi seperti perumahan, sekolah, hospital dan selekoh bahaya. Ia juga sesuai bagi lokasi tumpuan tinggi pengguna jalan raya khususnya pejalan kaki.

Namun, bonggol bukan satu-satunya penyelesaian. Terdapat kaedah lain boleh dipertimbangkan seperti penyempitan lorong, hadangan dan peralihan lorong, ataupun pengubahan bahan dan penampilan turapan.

Mengikut sudut perspektif kejuruteraan awam dan jalan raya, bonggol jalan sepatutnya menjadi pilihan terakhir. Implikasi negatif pemasangan bonggol, termasuk pencemaran bunyi dan asap ketika kenderaan membrek, meningkatkan kadar lengahan trafik yang mendorong kesesakan, serta menghalang pengaliran air di atas permukaan jalan.

Apa yang membimbangkan, ada segelintir pihak sewenang-wenangnya mengambil tindakan membina bonggol sendiri. Tindakan ini menjurus kepada bonggol jalan dibina tidak seragam, gagal menepati spesifikasi teknikal dan mendatangkan risiko kemalangan.



Bonggol jalan perlu mengikut garis panduan ditetapkan bagi mengelakkan risiko kemalangan. (Foto hiasan)

Malah, ia dianggap kesalahan di bawah Seksyen 80 Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987, sekiranya pembinaan dibina tanpa kebenaran pihak berwajib.

Mengikut JKR, bonggol jalan harus mengikut garis panduan ditetapkan khususnya dari segi ukuran teknikal tinggi/rendah dan lebar. Spesifikasi tidak menepati garis panduan, termasuk terlalu tinggi, tiada warna jaluran dan tiada bantuan pencahayaan.

Mengikut garis panduan ini, tiga jenis bonggol jalan dibenarkan, iaitu bum had laju (*speed bump*), bonggol had laju (*speed hump*) dan satah had laju (*speed table*). Setiap satu mempunyai spesifikasi dan kesesuaian kegunaan berbeza.

Jika bonggol jalan dibina, pelan pemasangan bonggol perlu dirangka sewajarnya. Ia harus disertakan beberapa fasiliti lain bagi memastikan pelaksanaan efektif. Antaranya termasuk pemasangan papan tanda amaran bonggol, jalur rentas kuning dan pemantul cahaya mata kucing sebelum menghampiri lokasi bonggol. Bonggol juga perlu mempunyai garisan berjalur atas permukaannya.

Benar, niat penduduk setempat membina bonggol ada justifikasinya, lebih-lebih lagi apabila membatikan keselamatan kanak-kanak.

Namun, mereka tidak seharusnya bertindak sendiri, sebaliknya perlu melaporkan aduan dan mengemukakan permohonan rasmi kepada pihak berkuasa tempatan (PBT).

Yang pasti, bonggol jalan seharusnya dibina kontraktor terlatih yang dipertanggungjawabkan PBT. Mengambil tindakan sendiri dengan membina bonggol tanpa mengikut spesifikasi boleh 'memakan diri' dan mengundang bahaya, termasuk berisiko mengakibatkan kemalangan yang besar impaknya.

6 December
2021

Bersama tangani keterbatasan keperluan mobiliti OKU



Oleh Dr Mohd Hafiz Zulfakar
dan Dr Abdul Khabir Rahmat
bhrencana@bh.com.my



Pensyarah Kanan
Jabatan Teknologi
dan Pengajian
Rantaian Bekalan,
Fakulti Pengurusan
dan Perniagaan
Universiti Teknologi
MARA (UiTM)
Kampus
Puncak Alam

Keperluan mobiliti (bergerak dari satu tempat ke tempat lain), penting dalam kehidupan harian manusia. Ia membolehkan seseorang bukan sahaja mendapatkan akses kepada keperluan asas seperti makanan, pakaian dan perubatan, tetapi kehendak hidup lain.

Hak mobiliti bukanlah eksklusif untuk golongan cukup upaya semata-mata, sebaliknya milik semua, termasuk golongan orang kurang upaya (OKU).

Sehingga 30 Jun lalu, rekod mengesahkan 580,633 individu OKU berdaftar secara rasmi. Jumlah mungkin bertambah mengambil kira mereka tidak berdaftar, bahkan mungkin cabaran keupayaan mobiliti terhad menyebabkan mereka tidak mendaftarkan diri.

Realitinya, komuniti OKU berdepan bebanan keterbatasan ketika ingin bergerak ke mana-mana. Mereka mempunyai masalah penglihatan dan fizikal khususnya, sememangnya mempunyai kesukaran bergerak. Mereka memerlukan bantuan seperti tongkat putih, kerusi roda bahkan ada memerlukan bantuan pembantu peribadi untuk ke mana-mana.

Kerajaan amat prihatin dan memandang serius perkara ini. Banyak bantuan dan fasiliti disediakan dari aspek mobiliti dan aksesibiliti. Ini termasuk pengecualian 100 peratus duti eksais ke atas pembelian kenderaan OKU, pengecualian cukai jalan bagi kenderaan buatan tempatan dan kadar diskaun tambang pengangkutan awam sehingga 50 peratus.

Bajet 2022 diumumkan sekali lagi menunjukkan kebertanggungjawaban kerajaan terhadap OKU. Selain inisiatif umum, inisiatif berkait mobiliti turut diperkasakan.

Antaranya, tanggungan sepenuhnya bayaran Lesen Kenderaan Motor (LKM) kepada semua kelas kenderaan persendirian milik OKU dan peruntukan RM30 juta bagi menaik taraf infrastruktur bangunan kerajaan supaya lebih universal dan mesra OKU, seperti laluan khas untuk OKU penglihatan.



Penyediaan laluan khas membantu memudahkan pergerakan golongan OKU.
(Foto hiasan)

Inisiatif diambil syarikat pengangkutan awam negara juga tidak kurang hebatnya. Kemudahan tempat duduk dalam kenderaan pengangkutan awam, ruang menunggu dan laluan khas di terminal, serta bas berantai rendah amat membantu dan meringkatkan proses perjalanan komuniti ini menggunakan pengangkutan awam.

Inisiatif sebegini boleh ditambah baik mengambil iktibar pelaksanaan negara lain, dalam usaha menyantuni komuniti ini. Sebagai contoh, teksi mesra kerusi roda seperti dilaksanakan di London.

Golongan berkerusi roda ketika ini mempunyai kesukaran menaiki teksi kerana kerusi roda terpaksa dilipat dan mereka perlu duduk di kerusi teksi. Ini menyebabkan mereka tidak berminat menggunakan perkhidmatan teksi. Malah, ada juga pemandu teksi mengelak mengambil mereka sebagai penumpang.

Teksi mesra kerusi roda mempunyai ruang belakang besar yang memudahkan kerusi roda dibawa masuk menggunakan tanjakan. Ruang belakang juga dikonfigurasi lapang supaya OKU dapat kekal duduk atas kerusi roda dan tidak perlu bangun mengubah tempat duduk. Lantai teksi dilengkapi pengunci roda dan tali sokongan bagi memastikan kedudukan kerusi roda tetap sepanjang perjalanan.

Hakikatnya, komuniti OKU ingin menikmati kesaksamaan hak dan peluang menjalani kehidupan seperti orang lain yang cukup upaya. Mereka juga sebahagian masyarakat.

Teras utama dalam aspirasi Keluarga Malaysia yang menekankan keterangkuman dan kebersamaan jelas mendukung hak komuniti OKU supaya tidak diabaikan.

Justeru, sempena Hari OKU Sedunia yang disambut setiap 3 Disember, tidak kira sektor awam atau swasta, individu atau kumpulan, ayuh kita berganding bahu, membantu mereka yang mempunyai batasan mobiliti ini menikmati hak dan kemudahan bergerak ini bersama-sama.

9 December
2021

Bendung ancaman Omicron elak proses pemulihan negara terjejas



Oleh Dr Mohd Rahim Khamis
dan Mohd Faizal Kamarudin
bhrencana@bh.com.my



Pensyarah
di Jabatan Ekonomi
dan Pengajian
Kewangan, Fakulti
Pengurusan dan
Perniagaan,
Universiti Teknologi
MARA (UITM)
Puncak Alam

Kehadiran varian baharu COVID-19 dikenali Omicron mengejutkan dunia dan dalam konteks Malaysia, apakah kehadiran varian membimbangkan (VOC) ini berpotensi merencatkan proses pemulihan sosioekonomi yang sedang berjalan?

Jika dilihat senario kewujudan varian Delta sebelum ini, ia tidaklah begitu memberi kesan besar kepada proses pemulihan sosioekonomi negara.

Buktinya, banyak negeri dapat berpindah dari satu fasa ke fasa lain dalam Pelan Pemulihan Negara (PPN), malah semua sektor ekonomi dan sosial juga dibenar beroperasi seperti biasa.

Namun, dalam konteks Omicron, kerajaan perlu membuat keputusan segera bagi mengekang ia daripada merebak dalam komuniti. Langkah mengumumkan penangguhan fasa endemik seketika sehingga kerajaan mengetahui lebih lanjut mengenai varian baharu ini, cukup tepat.

Ia untuk memastikan tiada penyebaran varian Omicron berlaku seperti yang terjadi kepada negara di benua Afrika, Itali, Denmark, Australia, United Kingdom, Belgium dan Hong Kong.


Jika dilihat, kes jangkitan membabitkan varian Omicron sudah pun direkodkan di Ipoh, Perak membabitkan seorang penuntut sebuah universiti swasta yang tiba dari Afrika Selatan melalui Singapura, pada 19 November lalu.

Namun, kita boleh menarik nafas lega apabila

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, memaklumkan semua lapan sampel ujian RT PCR membabitkan kontak rapat kes itu negatif.

Bayangkan varian Omicron yang dikesan ini terus menular, dibimbangi kita semua tiada pilihan, selain sekali lagi terpaksa mengharungi episod hidup dalam berkurung disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Natijahnya, sudah pasti sosioekonomi rakyat akan kembali terjejas dan akhirnya, proses pemulihan



Rakyat usah leka dan terus patuhi SOP bagi memastikan tiada ancaman Omicron dalam komuniti. (Foto hiasan)

ekonomi dan sosial negara turut terkesan.

Apa lagi pilihan yang kerajaan ada, selain pelaksanaan PKP demi membendung penularan varian baharu?

Justeru, penting untuk kerajaan mempertingkatkan sekatan di pintu masuk antarabangsa. Sebelum kewujudan Omicron diumumkan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), kerajaan sudah mula membuka kembali sektor pelancongan dan terkini, dibuka pelancongan antarabangsa, terutama ke Langkawi.

Apa yang jelas, kewujudan pelbagai varian baharu termasuk membabitkan Omicron ini sememangnya berisiko dan perlu diberikan perhatian serius.

Ketua Ahli Ekonomi Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), Gita Gopinath, sendiri ada memberi amaran bahawa ancaman Omicron akan memberi kesan kepada proses pemulihan ekonomi dunia.

Banyak negara lebih terarah mengawal penularan varian yang agresif ini, berbanding memperkukuhkan pertumbuhan dan meningkatkan hasil pendapatan negara.

Di Malaysia sendiri, kita bernasib baik kerana kerajaan amat memandang serius senario ini dengan langkah sewajarnya diambil supaya Omicron tidak memberi ancaman besar ke atas proses pemulihan sosioekonomi negara yang baharu sahaja menampakkan hasilnya.

Memandangkan ancaman Omicron sememangnya menimbulkan bibit-bibit keresahan kepada banyak pihak, justeru kita perlu bersama-sama berganding bahu membantu kerajaan memulihkan kembali sosioekonomi negara, walaupun apa jua ancaman yang tiba.

Jangan mudah terleka dibuai kebebasan yang dinikmati kini, kerana ia boleh ditarik dan disekat bila-bila masa seandainya varian Omicron mula mengancam komuniti kita.

16 December 2021

Kerjasama IPT, industri perkasa graduan depanti cabaran IR4.0



Ariff Azly dan Shatina Saad adalah Pensyarah Kanan, Jabatan Teknologi dan Pengurusan Rantaian Bekalan, Fakulti Perniagaan dan Pengurusan, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Puncak Alam

Oleh Dr Ariff Azly Muhamed dan Dr Shatina Saad
bhrencana@bh.com.my

Setiap tahun, rakyat disajikan dengan istiadat konvokesyen diadakan secara gilang-gemilang oleh institut pengajian tinggi (IPT) dalam meraikan puluhan ribu graduan berjaya menamatkan pengajian sama ada pada peringkat diploma, ijazah sarjana muda, sarjana dan juga doktor falsafah (PhD).

Istiadat konvokesyen ini dijadikan sebagai satu simbolik kepada kejayaan IPT dalam melahirkan generasi pelapis negara pada masa hadapan. Ironinya, di sebalik majlis konvokesyen gilang-gemilang itu, bersediakah graduan menempuh alam pekerjaan mencabar terutama Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) pasca pandemik?

Secara makro, usaha mempersiapkan graduan dalam mendepani IR4.0 pasca pandemik adalah sinergi bersama antara semua pemegang taruh, iaitu graduan, penggerak industri dan juga kerajaan.

Berdasarkan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), seramai 202,400 siswazah menganggur pada 2020, iaitu terdapat peningkatan sebanyak 22.5 peratus berbanding 2019 (165,200 siswazah).

Statistik ini menunjukkan pola membimbangkan dalam usaha kerajaan menangani masalah pengangguran dalam kalangan siswazah.

Beberapa langkah dan usaha perlu digembleng antara semua pemegang taruh dalam menyediakan graduan siswazah yang holistik serta memenuhi permintaan industri dalam mendepani IR4.0 pasca pandemik.

IR4.0 pasca pandemik memerlukan graduan untuk melengkapkan diri dengan pelbagai kemahiran, terutama kemahiran teknologi. Ini kerana pandemik COVID-19 mendorong kebanyakan penggerak industri meningkatkan kebergantungan kepada penggunaan teknologi.

Ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan dalam membendung peningkatan kes, kebanyakan industri tidak dibenarkan beroperasi dengan kapasiti maksimum.

Kedua ini menyebabkan kebanyakan penggerak industri mula beralih untuk mengadaptasi penggunaan teknologi dalam memenuhi permintaan pasaran. Adaptasi penggunaan teknologi mampu membantu industri untuk

meningkatkan kecekapan operasi.

Adaptasi penggunaan teknologi pasca pandemik ini selaras dengan IR4.0. Sebagai contoh, industri makanan dan minuman mengadaptasi penggunaan teknologi automasi seperti pembuatan robotik dalam proses pembuatan serta pengecaman frekuensi radio (RFID) dalam pengurusan logistik.

Kemajuan penggunaan teknologi ini menunjukkan dalam mendepani IR4.0 pasca pandemik, graduan perlu mempersiapkan diri dengan kemahiran insaniah tinggi. Kemahiran teknologi adalah asas kepada mereka untuk menjadi tenaga kerja profesional dan bekerja dalam kategori pekerjaan mahir.

Graduan juga perlu mengambil inisiatif dalam melengkapkan diri dengan kemahiran insaniah tinggi. Kemahiran insaniah merujuk kepada kemahiran serta kemampuan seseorang graduan dalam penyampaian idea secara verbal, termasuk kemahiran berbahasa dan berfikir kritis dalam penyelesaian masalah.

Berdasarkan laporan yang dikeluarkan *The World Economic Forum* menerusi *The Future Job Report* mendapati elemen kemahiran insaniah seperti kemampuan berfikir secara kritikal dan

“Beberapa langkah dan usaha perlu digembleng antara semua pemegang taruh dalam menyediakan graduan siswazah yang holistik serta memenuhi permintaan industri dalam mendepani IR4.0 pasca pandemik”



analitikal, penyelesaian masalah kompleks serta kepimpinan menjadi antara senarai kemahiran asas tenaga kerja mahir 2018 hingga 2022.

Laporan ini membuktikan kemampuan graduan mempersiapkan diri dengan kemahiran insaniah adalah kritikal untuk mendepani IR4.0 pasca pandemik.

Dalam mempersiapkan tenaga kerja profesional dan berkemahiran tinggi, pihak IPT dan penggerak industri juga perlu memainkan peranan proaktif. Langkah ini mampu dicapai dengan mewujudkan kolaborasi strategik antara IPT dengan pihak industri.

Dasar kolaborasi strategik IPT dan industri ini dapat dilihat sebagai asas kukuh dalam menyediakan graduan memperlempangkan diri mendepani revolusi industri pasca pandemik. Perbincangan meja bulat di antara penggerak industri dan IPT bagi memperkasa kebolehpasaran graduan perlu dijadikan agenda utama setiap IPT.

Pihak IPT mampu menyediakan dan melahirkan graduan lebih kompeten hasil maklum balas daripada penggerak industri. IPT juga perlu mendapatkan input daripada industri dalam memperbaiki pelaksanaan kurikulum universiti, sekali gus mampu merangka strategi terbaik untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan.

Stigma dan tanggapan bahawa IPT bertanggungjawab sepenuhnya dalam melahirkan graduan mengikut acuan industri perlu dihapuskan. Ini kerana peranan kedua-dua pihak industri dan IPT adalah seimbang dalam melahirkan tenaga kerja profesional.

Kerajaan melalui kementerian terbabit juga perlu berperanan dalam melahirkan graduan kompetitif dalam mendepani IR4.0 pasca pandemik.

Penyediaan dana dapat dilihat sebagai usaha strategik kerajaan membantu dalam meningkatkan kebolehpasaran graduan. Sebagai contoh, kerajaan melalui Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah menawarkan program *KPT Career Advancement Program* (KPT-CAP) dengan sinergi daripada pihak industri dalam menyediakan platform latihan kepada graduan.

Usaha ini perlu dilihat sebagai satu usaha strategik jangka panjang oleh kerajaan dalam menyediakan tenaga kerja profesional dan berkemahiran tinggi.

Tuntasnya, usaha dalam melengkapkan dan melahirkan graduan memenuhi kehendak pasaran industri perlu dijadikan sebagai salah satu teras utama oleh semua pihak terbabit sama ada graduan, pihak IPT, penggerak industri dan kerajaan.

Memperkasa graduan mendepani IR4.0 pasca pandemik adalah penting kepada Malaysia dalam mencapai Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030, sekali gus mampu melengkapkan konsep sebuah keluarga Malaysia maju dan kompetitif.

20 Disember 2021

Zakat bantu kurangkan jurang pendapatan



Pensyarah Kanan
Jabatan Ekonomi dan
Pengajian Kewangan,
Fakulti Pengurusan
dan Perniagaan
Universiti Teknologi
MARU (UiTM)
Puncak Alam

Oleh Dr Mohd Rahim Khamis
bhrencana@bh.com.my

Jurang pendapatan dalam masyarakat menjadi cabaran bagi kerajaan untuk ditangani, kerana isu ini akan memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi sesebuah negara.

Pakar ekonomi, Dr Muhammed Abdul Khalid, menyatakan ekonomi sesebuah negara tidak dapat pulih dengan pantas daripada krisis sekiranya wujud ketidakseimbangan dan jurang besar antara golongan kaya dan miskin.

Ia akhirnya menyebabkan pertumbuhan ekonomi berserta kemantapan pertumbuhan ekonomi masa hadapan terkesan.

Sebelum ini, negara memperkenalkan Dasar Ekonomi Baharu (DEB) dalam Rancangan Malaysia Kedua (1971-1990) dengan dua matlamat utama iaitu mengurangkan dan akhirnya membasmi kemiskinan, selain memperbetulkan ketidakseimbangan ekonomi supaya dapat mengurangkan seterusnya menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi.

Seharusnya isu seperti jurang pendapatan dan kemiskinan dapat diatasi dengan pengenalan DEB,

namun situasi sebaliknya berlaku di mana jurang pendapatan semakin melebar. Ia lebih parah apabila negara dilanda COVID 19.

Sehubungan itu, satu solusi perlu dicari bagi menangani isu ini, Satu daripada mekanisme dilihat berperanan membantu masyarakat terutamanya masyarakat Islam adalah zakat.

Falsafah zakat menerangkan di mana pengagihan semula kekayaan daripada yang kaya kepada yang miskin dan yang memerlukan.

Justeru, zakat akan meningkatkan kapasiti pengeluaran dan menghasilkan pendapatan tambahan, seterusnya mengurangkan ketidakseimbangan pendapatan antara masyarakat Islam itu sendiri.

Jika dilihat senario kini di mana ramai terkesan akibat pandemik, institusi zakat di setiap negeri turun padang membantu mengagihkan bantuan keperluan dalam bentuk barangan dan wang ringgit. Ini menunjukkan zakat memainkan peranan besar dalam membantu merapatkan jurang pendapatan terutama di kala negara berjuang menangani pandemik.

Institusi zakat juga mengambil langkah proaktif meningkatkan saluran pengagihan zakat kepada penerima bantuan.

Tidak dinafikan, institusi zakat negeri banyak memainkan peranan mereka dengan sangat efisien dalam pengagihan dana zakat dan hasilnya, ramai

dapat dibantu.

Kemampuan pengagihan wang zakat kepada yang layak dalam merapatkan jurang pendapatan antara kaya dan miskin. sudah semestinya bergantung kepada jumlah kutipan zakat dilakukan.

Seandainya golongan layak membayar zakat tidak menunaikan kewajipan mereka untuk membayar zakat, bagaimana institusi hendak menyalurkan dana bantuan kepada mereka yang layak.

Oleh itu, hubungan antara jumlah agihan wang zakat amat berkait rapat dengan berapa jumlah kutipan wang zakat berjaya dilakukan.

Lantas, sebagai seorang Muslim yang sudah mengetahui membayar zakat satu kewajipan, perlulah menunaikan tanggungjawab terbabit. Sokongan dan dukungan pihak lain seperti kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) juga perlu digembleng.

Semua organisasi ini perlu berganding bahu mewujudkan satu ekosistem mapan dalam usaha meningkatkan taraf dan kualiti hidup bagi golongan memerlukan, terutamanya bantuan berbentuk kewangan dan pendidikan.

Seandainya peningkatan taraf ekonomi dan kualiti hidup bagi golongan berkenaan tidak diambil peduli, dikhuatiri isu ketidakseimbangan pendapatan akan menjadi lebih serius malahan menyumbang peningkatan kadar kemiskinan dalam negara.

22 December 2021

Perlindungan takaful banjir satu keperluan



Pensyarah Takaful dan Kewangan Islam di Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA (UiTM)

Oleh Prof Madya Dr Amirul Afif Muhamat
bhrencana@bh.com.my

Banjir besar melanda negara mengejutkan banyak pihak khususnya di sekitar Selangor, dengan kawasan tidak pernah dinaiki air sebelum ini turut dilanda musibah itu.

Antara faktor bencana berlaku dengan sangat teruk adalah pembukaan kawasan penempatan baharu, ditambah kesan perubahan iklim yang menyaksikan taburan hujan dua kali ganda lebih banyak berbanding biasa, selain fenomena air pasang besar. Di sesetengah tempat pula, lokasi kediaman terletak di kawasan dataran rendah atau berhampiran sungai.

Justeru, apa persediaan sewajarnya perlu diambil bagi memastikan diri, keluarga dan harta benda dilindungi?

Bagi harta benda seperti rumah dan kenderaan, perlindungan takaful untuk bencana banjir satu bentuk pengurusan risiko yang perlu ambil, yang mana ketika ini sambutannya sangat rendah.

Memetik laporan *Asian Insurance Review* berdasarkan kajian Zurich Malaysia tahun ini, hampir 74 peratus kediaman tidak dilindungi skim perlindungan takaful bagi bencana banjir dan laporan sama menyebut, sekitar 4.8 juta orang di seluruh negara tinggal di lokasi mudah dinaiki air.

Amat menyedihkan melihat video dan perkongsian impak bencana oleh mangsa banjir di media sosial. Tambah menyedihkan, masyarakat di negara ini masih tidak memberi penekanan terhadap keperluan memiliki perlindungan takaful bencana banjir, terutama untuk kediaman dan kenderaan.

Perlindungan bencana banjir opsyen yang pemilik kenderaan perlu pilih kerana ia perlindungan tambahan ditawarkan syarikat takaful. Begitu juga polisi perlindungan banjir untuk kediaman. Kategori jenis ini juga antara paling sedikit diambil masyarakat bagi bencana banjir.

Rumah yang masih mempunyai baki hutang dengan bank dimestikan mengambil pelan Takaful Gadai Janji Tempoh Berkurangan (MRTT) atau Perlindungan Pemilikan Rumah Jangka Panjang (LTHO).

Kebanyakannya memberi perlindungan untuk bencana banjir, tetapi tidak untuk rumah yang sudah tamat tempoh pinjaman atau dibina sen-

diri tanpa membabitkan pinjaman bank. Oleh itu, ramai memilih tidak mengambil polisi takaful banjir berkenaan.

Masyarakat perlu sedar kerajaan menghadapi keangan dalam memberi bantuan kerana terdapat ramai mangsa memerlukan perhatian dan sokongan. Kerugian harta benda akibat bencana bukanlah sedikit, malah mencecah bilion ringgit.

Oleh itu, jika berkemampuan dari segi kewangan untuk menyediakan peruntukan tahunan bagi perlindungan bencana banjir ini, insya-Allah pastinya akan dapat membantu pada saat terdesak nanti.

Kerajaan dan syarikat takaful juga mungkin boleh mencari satu jalan atau mekanisme mewujudkan produk takaful bagi bencana banjir yang mampu dimiliki kebanyakan rakyat.

Ketika ini, golongan B40 ditawarkan Skim Perlindungan Tenang yang mungkin boleh diperluaskan skopnya. Sudah semestinya ini bukan mudah kerana setiap produk baharu takaful memerlukan penelitian dan simulasi lengkap.

Namun, dengan adanya produk takaful mampu milik bagi bencana banjir, pastinya dapat menarik ramai rakyat Malaysia untuk bersama-sama menjadi peserta (pemegang polisi) bagi produk takaful ini.

24 December 2021

Persiapan awal urus musibah elak impak buruk



Oleh Dr Abdul Khabir Rahmat dan
Dr Mohd Hafiz Zulfakar
bhrencana@bh.com.my



Pensyarah Kanan
Universiti Teknologi
MARA (UITM)

Banjir terkini melanda negara tanpa sebarang amaran awal yang jelas. Ada kawasan tidak pernah dilanda banjir langsung tidak bersedia, malah kawasan yang pernah atau sering terkena turut tersentak akan skala yang dahsyat.

Apa tidaknya, jika selama ini banjir hanya naik ke paras bawah lutut, namun kali ini menggenangi sehingga menenggelamkan ketinggian rumah setingkat. Natiujahnya, bilangan mangsa terjejas terlalu tinggi, sama ada terperangkap di kawasan perumahan mahu pun terkandas di jalan raya.

Keadaan huru-hara yang meruncing ini mencetus inisiatif pelbagai pihak untuk menyelamatkan mangsa serta menghulurkan pelbagai bantuan kemanusiaan.

Bagi kawasan yang sebelum ini mungkin tidak pernah atau kurang pengalaman mengendalikan bantuan banjir, sudah tentu situasi baharu ini mengundang masalah untuk

menguruskan mangsa banjir dalam jumlah yang ramai, begitu juga untuk mengendalikan bekalan makanan, pakaian, kebersihan dan lain-lain keperluan demi kesejahteraan mangsa.

Aspek pengurusan tidak boleh dipandang enteng kerana dikhuatiri niat membantu tidak tercapai, sebaliknya lebih memburukkan keadaan.

Oleh itu pengetahuan dan kesedaran menghadapi krisis bencana perlu ada pada semua, khususnya wakil pemimpin masyarakat atau ahli jawatankuasa komuniti setempat yang bertanggungjawab ke atas institusi yang menawarkan bantuan.

Penting dipastikan jumlah mangsa dibantu direkod dan dikemas kini, selain maklumat penting, termasuk keperluan ubat-ubatan bagi warga tua atau wanita hamil dan menyusukan anak.

Ia bagi memastikan bekalan ubat mereka tidak terputus. Perlu juga diketahui kapasiti tampungan fasiliti untuk memastikan kesejahteraan serta mengambil kira keadaan penyebaran wabak, khususnya ketika kita masih berperang dengan COVID-9.

Keadaan lebih kapasiti akan meningkatkan risiko penyebaran wabak lain yang mudah berjangkit seperti batuk dan taun.

Bagi mengelak pembaziran makanan dan pel-

bagai bekalan lain, wakil institusi dan penderma perlu bekerjasama dan berkomunikasi mengenai inventori semasa, khususnya dari segi jumlah kuantiti dan menyimpan bahan yang benar-benar diperlukan sahaja.

Komunikasi mengenai had batas ruang yang boleh digunakan juga perlu dijelaskan kepada mangsa bagi mengelakkan timbul salah faham. Khidmat nasihat dan pakar seperti polis dan pihak hospital juga penting bagi menilai keadaan fasiliti supaya selesa dan selamat buat mangsa.

Pihak penyedia fasiliti juga perlu faham keadaan mangsa dan berkomunikasi dengan baik bagi menenangkan mangsa yang mungkin resah dan berada dalam keadaan tertekan. Keperluan psikologi dan memberi semangat kepada mangsa amat penting bagi mereka menempuh cabaran mendatang.

Dalam pada itu, asas pengurusan bencana janganlah dibincangkan hanya tatkala bencana melanda atau sebagai tindakan responsif. Langkah proaktif perlu dimulakan sebagai persiapan awal kesiapsiagaan menghadapi sebarang bencana, khususnya musibah alam semula jadi.

Semua ini penting supaya kita bersiap sedia, sekali gus dapat meminimumkan impak apabila bencana melanda.

27 December 2021

Penyelesaian strategik kurangkan impak banjir terhadap nyawa, harta



Oleh Prof Dr Mohd Nizam Ab Rahman
dan Dr Ariff Azly Muhamed
bhrencana@bh.com.my



Mohd Nizam adalah Timbalan Pengarah di Pusat Pengurusan Risiko, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (ROSH), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), manakala Ariff Azly adalah Pensyarah Kanan Universiti Teknologi MARA (UITM) Puncak Alam

Tahun 2021 mencabar kerana pandemik COVID-19 belumpun reda, kita diuji musibah banjir terbesar pernah melanda Lembah Klang sejak 1994. Soalnya, sejauh mana kesiapsiagaan Malaysia menepi bencana alam dan apakah faktor menyumbang banjir besar ini?

Tidak dinafikan, kesiapsiagaan menyalurkan maklumat bencana antara punca utama ribuan mangsa terperangkap. Hingga kini, Malaysia belum mempunyai satu sistem penyaluran maklumat bencana alam.

Ini kerana Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia) dan Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) mengeluarkan amaran banjir dan fenomena air pasang tinggi sejak awal bulan lalu lagi. Soalnya, apakah maklumat itu tidak dihebahkan atau masyarakat mengambil sikap tunggu dan lihat?

Jepun contohnya membangunkan sistem amaran banjir, Today's Earth Japan (TE-Japan) berfungsi menyalurkan maklumat sebarang bencana alam berdasarkan data terkini daripada satelit dan boleh dimuat turun percuma.

Ia langkah praktikal untuk diguna pakai di Malaysia kerana kita berhadapan risiko banjir setiap tahun. Ditambah kebarangkalian ia tidak lagi hanya terjadi di Pantai Timur Semenanjung sepanjang Disember atau Januari.

Di samping faktor fenomena semula jadi, pembangunan tidak lestari mengakibatkan banjir kilat terutama di bandar besar. Pembangunan perumahan dan kawasan industri lebih berpusat di laluan serta tebing sungai, berpotensi mengganggu aliran air.

Gangguan aliran sungai juga antara punca utama banjir. Berdasarkan statistik Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) pada 2020, terdapat peningkatan 62.43 peratus, iaitu 869 laporan banjir berbanding 2019 (535).

Peningkatan ini menunjukkan langkah drastik perlu diambil pihak berwajib, sama ada pemaaju atau pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk mengguna pakai konsep pembangunan lestari.

Konsep pembangunan lestari perlu mengambil kira tiga faktor, iaitu alam sekitar, sosial dan ekonomi. Semua ini penting dijadikan garis panduan dalam meluluskan projek pembinaan.

Konsep matlamat pembangunan lestari (SDG) diamalkan secara meluas di negara luar seperti Switzerland, Finland, dan Sweden.

Berdasarkan Laporan Pembangunan Lestari 2021, Malaysia berada pada kedudukan ke-65 di belakang negara serantau seperti Thailand (44) dan Vietnam

(51). Ini menunjukkan wujudnya keperluan mustahak untuk kerajaan serta pihak seperti PBT melihat kembali pelan pembangunan untuk menjamin keperluan pembangunan tanpa menjejaskan kepentingan generasi masa hadapan.

Contohnya, kerajaan perlu mewajibkan pemaaju melakukan konsep tanam semula bergantung keluasan tapak pembinaan dibangunkan.

Langkah serampang dua mata ini dapat mewujudkan landskap hijau dan memastikan alam sekitar dipulihara untuk mengelakkan banjir.

Sistem perparitan tidak cekap dan tidak diselenggara dengan baik juga punca banjir berulang. Masalah perparitan sering menghantui bandar besar kerana sampah tidak dibersihkan berpotensi untuk mendap di dasar saliran parit, sekali gus menyebabkan kedalaman parit menjadi cetek.

Ini menyebabkan parit tidak dapat mengalirkan air pada tahap maksimum apabila hujan lebat berterusan, sekali gus menyebabkan banjir kilat ekoran limpahan air.

Dalam menangani masalah ini, PBT perlu mengambil langkah drastik dan berkesan dalam memastikan saliran parit sentiasa bersih serta berada pada tahap paling optimum sebagai persediaan awal supaya ia mampu berfungsi sepenuhnya dalam melencongkan aliran air sekiranya hujan lebat berterusan.

Tanggungjawab penduduk adalah untuk memastikan sistem perparitan tidak terganggu dengan tidak membuang sisa domestik ke saliran parit. Parit tersumbat mampu mengganggu aliran air, sekali gus berisiko menyebabkan banjir.

Dalam memastikan kecekapan sistem perparitan ini, pengawasan PBT dan tanggungjawab penduduk adalah amat penting.

Kepentingan perubahan sikap dalam melihat hubung kait ekosistem kelestarian, perlu dijadikan agenda pemimpin setempat. Ini kerana aktiviti gotong royong sukar dilakukan sekarang.

Tidak dinafikan banjir disebabkan juga faktor semula jadi, iaitu hujan lebat dan berterusan. Namun, bencana ini menjadi di luar kawalan apabila terdapat campur tangan aktiviti manusia rakus menebang hutan sama ada untuk pembangunan atau aktiviti perhutanan tidak terkawal seperti pembalakan.

Bencana banjir kali ini tidak hanya menjejaskan kawasan bandar, bahkan lebuhraya utama yang menjadi jalan perhubungan seperti Lebuhraya KL-Karak (KLK) turut terjejas yang berkemungkinan besar berpunca aktiviti pembalakan tidak terkawal.

Sebelum ini kita diberi amaran beberapa episod kejadian tanah runtuh ekoran aktiviti pembalakan tidak terkawal. Kemuncaknya, banjir melanda lebuhraya utama yang menjadi jalan penghubung antara Pantai Timur dan Pantai Barat Semenanjung, sekali gus memberi kesan kepada rantaian bekalan terutama dari segi logistik kerana majoriti produk sayuran berasal dari Cameron Highlands.

Tidak dapat dinafikan Malaysia mempunyai pasukan penyelamat bersedia berkhidmat dalam misi mencari dan menyelamatkan. Namun, isu keselamatan sewaktu menghadapi bencana perlu diambil kira.

Ini termasuk keselamatan semasa misi menyelamatkan digerakkan. Faktor keselamatan ini dapat ditingkatkan melalui kesiapsiagaan pasukan penyelamat merangkumi pelbagai agensi seperti Jabatan Pertahanan Awam (APM), bomba dan tentera.

Kesiapsiagaan aset logistik penting dalam membantu pasukan penyelamat menggerakkan misi bantuan lebih cekap. Keselamatan dan kesihatan penduduk selepas pasca banjir juga perlu dititikberatkan seperti risiko penyakit bawaan air dan pencemaran air, termasuk keselamatan infrastruktur, bangunan, jalan raya dan ancaman haiwan liar.

Kepatuhan rakyat untuk bekerjasama dengan pasukan penyelamat juga penting semasa banjir seperti bersedia berpindah apabila diarahkan dan tidak mengambil mudah risiko banjir pada masa depan.

Pematuhan prosedur operasi standard (SOP) COVID-19 terutama di pusat penempatan sementara (PPS) atau semasa menangani tekanan dan kekalutan bencana perlu sentiasa ditekankan supaya risiko sedia ada dapat dikawal dan diminimumkan.

Bencana banjir tidak lagi boleh dianggap sebagai fenomena luar biasa di negara ini. Justeru, kerajaan melalui kementerian terbabit dan PBT perlu mencari penyelesaian strategik jangka panjang supaya impak terhadap keselamatan nyawa dan harta benda awam dapat diminimumkan.

Rakyat pula perlu mengambil tanggungjawab bersama dengan tidak melakukan aktiviti boleh mengakibatkan risiko banjir. Mungkin kesedaran proaktif kepada penilaian risiko atau cakra bencana perlu ditingkatkan sama ada melalui aktiviti setempat atau sebaran maklumat melalui media sosial.

Pengambilan pakej insurans individu mungkin boleh mengurangkan faktor kerugian sama ada harta benda atau nyawa. Walaupun setiap tahun negara kita diancam banjir, dengan kepakaran ilmu dan teknologi, kita sebagai Keluarga Malaysia mampu menjadi negara contoh dalam aspek pengurusan risiko bencana pada masa akan datang.

“Pembangunan perumahan dan kawasan industri lebih berpusat di laluan serta tebing sungai, berpotensi mengganggu aliran air”





THANK
YOU

to all news writers



**From: FBM Corporate
communication team**